

## P R E S S   R E L E A S E

---

### PRIMARY OFFERS OF SECURITIES VIA THE INTERNET

The Securities Commission (SC) has received numerous queries from offerors or potential offerors who are based overseas about the possibility of their offer of securities via the Internet falling within the ambit of Malaysian securities laws. This statement is issued to address the concerns raised by the application of existing Malaysian securities laws, in particular section 32 of the Securities Commission Act 1993, to the primary offers of securities via the Internet.

While the SC fully supports the development of electronic commerce in the Malaysian capital market, the SC is also entrusted with the duty to protect investors in Malaysia from illegal activities. Section 32 of the Securities Commission Act 1993 is specifically enacted to regulate the offer of securities in the primary market.

Under section 32 of the Securities Commission Act 1993, a person ("offeror") who:

- a) makes available offers for subscription or purchase of securities in Malaysia; or
- b) issues an invitation for subscription or purchase of securities in Malaysia, is required to submit a proposal to the SC. A person who fails to submit such a proposal commits an offence, who on conviction is liable to a fine not exceeding RM1,000,000 or to imprisonment for a term not exceeding 10 years or both.

It is the SC's view that an offering of securities on the Internet that is accessible within Malaysia is an offer that falls within the provisions of section 32. The approval of the SC must first be sought if the offer is accessible within Malaysia or if acceptances from within Malaysia have not been expressly excluded.

However, the SC will take into account the following factors in order to determine whether an offer of securities on the Internet would be subject to the rigours of section 32 of the Securities Commission Act 1993:

- a) **The intention of the person making the offer** i.e. whether the offer is in fact targeted to a person in Malaysia. In discerning the intention of the offeror, the SC will consider the offeror's use of disclaimers, the establishment of local distribution networks, concurrent advertising or publicity in other forms of media in Malaysia, or denomination of prices in Malaysian currency;
- b) **The penetration of the offering of securities in Malaysia** i.e. whether any person in Malaysia accepts the offer. This includes consideration of the issuer's precautions to screen address and residency information and the amount of unauthorised sales; and
- c) **The involvement of a person from Malaysia in making the offer.**

## P R E S S   R E L E A S E

---

The SC recommends offerors or potential offerors to take certain measures to ensure that such offerings do not fall within section 32 of the Securities Commission Act 1993. **These recommendations serve as a guideline for offerors and is neither legal advice nor does it purport to be an exhaustive list that will guarantee an offeror exclusion from the ambit of section 32 of the Securities Commission Act 1993.** Such measures include:

- a) Not publishing the offer or invitation in websites that are frequently visited by or draws the attention of a person in Malaysia. For example offering in web sites that have ".my" in its address or that is offering content relevant to a person in Malaysia.
- b) Ensuring that the offering does not contain information specifically relevant to a person in Malaysia. For example, tax rates or prices which are presented in Malaysian currency.
- c) Designing or taking steps to automatically exclude and/or reject any subscriptions made by a person from Malaysia and to have a monitoring system on applications made by such person. For example, an offeror may programme their subscription system in such a manner to automatically reject any applications for subscription from a person in Malaysia where the telephone, address and postal addresses indicate that they are from Malaysia.
- d) Restricting the access of information of the offering so that a person in Malaysia is unable to view documents that are related to the offering.

Incorporating a clear jurisdictional disclaimer into the on-line prospectus / offer document stating that the offer is not intended to be available in Malaysia or to any person in Malaysia or which clearly states at which jurisdictions that the offer is targeted in a list that excludes Malaysia.

The SC would also take this opportunity to remind all persons in Malaysia to be wary of fraud that can be committed via the Internet. Traditional violations have been made easier through the misuse of technology. A person who invests in securities that have not been approved by the SC should also understand and be aware of the increased possibility of being defrauded.

Whilst the SC conducts surveillance of offers that are made through the Internet, it is of the view that the best protection against fraud, particularly those committed over the Internet, is for investors to be aware of the risks associated with such offers. Investors should make the effort to ascertain the authenticity of the offer, as well as determine if such offers have been approved by the relevant regulatory authorities. An investor may check with the SC, by contacting the Corporate Affairs Department at telephone number 03-6548000 or e-mail: [cau@seccom.com.my](mailto:cau@seccom.com.my), to find out whether securities offered via the Internet have been approved by the SC prior to investing in those securities.



## **P R E S S   R E L E A S E**

---

**SECURITIES COMMISSION**  
**18 August 1999**

## **P R E S S   R E L E A S E**

---

### **TAWARAN UTAMA SEKURITI MELALUI INTERNET**

Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah menerima banyak pertanyaan daripada pembuat tawaran atau pembuat tawaran berpotensi yang berpusat di luar negara samada tawaran sekuriti mereka yang dibuat melalui Internet adalah tertakluk kepada undang-undang sekuriti Malaysia. Susulan dari itu, penyata polisi ini dikeluarkan untuk memberi penjelasan terhadap isu tawaran utama sekuriti melalui Internet, dari sudut pemakaian undang-undang sekuriti Malaysia yang sedia ada, khususnya Seksyen 32, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Pada dasarnya, SC menyokong penuh pembangunan perdagangan elektronik dalam pasaran modal Malaysia, namun demikian, SC juga mempunyai tanggungjawab penuh untuk melindungi pelabur di Malaysia daripada aktiviti yang melanggar undang-undang. Seksyen 32, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 digubal khas untuk mengawal selia tawaran sekuriti di pasaran utama.

Di bawah Seksyen 32, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, sesiapa ("pembuat tawaran") yang:

- a) membuat tawaran bagi langganan atau pembelian sekuriti di Malaysia; atau
- b) mengeluarkan pelawaan bagi langganan atau pembelian sekuriti di Malaysia, perlu menyerahkan cadangan kepada SC. Sesiapa yang gagal menyerahkan cadangan tersebut melakukan suatu kesalahan di bawah undang-undang, dan jika disabitkan dengan kesalahan maka boleh didenda tidak lebih daripada RM1,000,000 atau dipenjara bagi tempoh tidak lebih daripada 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

SC berpendapat bahawa tawaran sekuriti di Internet yang boleh diakses di Malaysia merupakan tawaran yang tertakluk kepada peruntukan Seksyen 32. Kelulusan daripada SC wajib diperolehi sekiranya tawaran tersebut yang boleh diakses di Malaysia atau penerimaan daripada Malaysia tidak dikecualikan secara nyata.

Walau bagaimanapun, SC akan menimbang faktor-faktor berikut di dalam menentukan samada tawaran sekuriti di Internet adalah tertakluk kepada syarat-syarat Seksyen 32, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993:

- a) Tujuan pembuat tawaran iaitu samada tawaran adalah ditujukan kepada orang di Malaysia. Ini termasuk penggunaan penolak tuntutan, penubuhan rangkaian pengedaran tempatan, pengiklanan serentak atau publisiti dalam lain-lain bentuk media di Malaysia, atau sebutan harga di dalam mata wang Malaysia;
- b) Penembusan tawaran sekuriti di Malaysia iaitu samada mana-mana orang di Malaysia menerima atau tidak, tawaran tersebut. Ini termasuk menimbang

## P R E S S   R E L E A S E

---

- c) langkah-langkah yang telah diambil oleh penerbit untuk memeriksa alamat dan maklumat tempat tinggal, dan jumlah penjualan yang tidak sah; dan
- d) Pembabitan orang dari Malaysia di dalam membuat tawaran.

SC mencadangkan pembuat tawaran atau pembuat tawaran berpotensi untuk mengambil langkah bagi memastikan bahawa tawaran tersebut tidak tertakluk kepada Seksyen 32, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Cadangan-cadangan di dalam penyata ini adalah sebagai garis panduan bagi pembuat tawaran sahaja dan tidak merupakan nasihat perundangan ataupun senarai menyeluruh yang akan menjamin pengecualian pembuat tawaran daripada lingkungan Seksyen 32, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Langkah-langkah tersebut termasuk:

- a) Tidak menerbitkan tawaran atau pelawaan di dalam laman web yang sentiasa dikunjungi oleh atau yang menarik perhatian orang di Malaysia. Sebagai contoh, tawaran di laman web yang mempunyai ".my" pada alamatnya atau yang menawarkan kandungan yang relevan dengan orang di Malaysia.
- b) Memastikan bahawa tawaran tersebut tidak mengandungi maklumat khas relevan kepada orang di Malaysia. Sebagai contoh, kadar cukai atau harga yang disebut di dalam mata wang Malaysia.
- c) Membentuk atau mengambil langkah untuk mengecualikan secara automatik dan/atau menolak langganan yang dibuat oleh orang di Malaysia dan supaya mempunyai sistem pengawasan permohonan yang dibuat oleh orang berkenaan. Sebagai contoh, pembuat tawaran boleh mengatur agar sistem langganan mereka diprogram untuk menolak secara automatik sebarang permohonan langganan daripada orang di Malaysia di mana telefon, alamat rumah dan alamat surat-menyurat menunjukkan yang mereka adalah dari Malaysia.
- d) Memastikan akses kepada maklumat tawaran adalah terhad supaya orang di Malaysia tidak dapat melihat dokumen yang berkaitan dengan tawaran.
- e) Memasukkan klausa penolak tuntutan bidang-kuasa yang jelas di dalam prospektus atau dokumen tawaran dalam talian yang menyatakan bahawa tawaran tersebut tidak bermaksud untuk disediakan di Malaysia atau untuk orang di Malaysia, atau yang menyenaraikan dengan jelas bidang-kuasa bidang-kuasa di mana tawaran tersebut ditujukan, di mana senarai tersebut tidak mengandungi Malaysia.

SC juga mengambil peluang ini untuk memberi peringatan kepada semua orang di Malaysia untuk sentiasa berhati-hati terhadap penipuan yang boleh dilaksanakan melalui Internet. Pelanggaran undang-undang telah dimudahkan melalui penyalahgunaan teknologi. Para pelabur yang ingin melabur dalam sekuriti yang belum diluluskan oleh SC, perlu memahami dan berhati-hati tentang meningkatnya kemungkinan penipuan..



## P R E S S   R E L E A S E

---

Walaupun SC mengendalikan pengawasan tawaran yang dibuat melalui Internet, namun, SC berpendapat bahawa, perlindungan yang terbaik terhadap penipuan, terutamanya yang dibuat melalui Internet, adalah supaya pelabur sendiri menyedari risiko yang berkaitan dengan tawaran tersebut. Pelabur mesti berusaha untuk memastikan ketulenan tawaran, serta menentukan jika tawaran tersebut telah diluluskan oleh badan pengawal selia yang berkaitan. Seseorang pelabur boleh merujuk kepada SC untuk mengetahui samada sekuriti yang ditawarkan melalui Internet telah diluluskan oleh SC, sebelum melabur di dalam sekuriti tersebut. Rujukan ini boleh dibuat dengan menghubungi Jabatan Hal-Ehwal Korporat di telefon nombor 03-654 8000 atau e-mel: [cau@seccom.com.my](mailto:cau@seccom.com.my)

**SURUHANJAYA SEKURITI**  
**18 Ogos 1999**